

Azam tahun baru Dr. M jadikan Malaysia negara maju

31 DEC 1990

KUALA LUMPUR 30 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, azam tahun baru beliau ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan dapat bersaing dengan Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Menurut beliau, tidak ada sebab kenapa negara ini tidak boleh maju sekalipun keadaan ekonomi dunia kini agak membimbangkan terutama berikutan krisis Teluk.

"Memang keadaan sekeliling kita tidak seperti yang kita kehendaki. Selalunya ia berubah-ubah."

"Yang penting kita mestilah sesuaikan diri kita dengan perubahan itu," kata beliau kepada para pemberita selepas melancarkan Program Kampungku di Padang Semarak, Angkasapuri di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, di bawah dasar Pandang Ke Timur, Malaysia telah mempelajari bagaimana Jepun berjaya menyesuaikan diri dalam keadaan harga minyak meningkat begitu pesat dengan mengawal kos pengeluaran barangan mereka.

Susun kerja

Dengan cara ini jelas beliau, barangan Jepun masih boleh dipasarkan seperti biasa.

"Apabila Amerika Syarikat dan Eropah menekan supaya nilai matawang yen naik sekali ganda supaya kos pengeluaran barangan Jepun meningkat, Jepun masih berupaya menyusun kerja supaya kenaikan matawang yen itu tidak menjadikan barangan keluaran mereka kurang kompetitif dalam pasaran dunia.

"Daripada ini kita pelajari bahawa apa jua perubahan yang berlaku dalam dunia, kita boleh atasi masalah kalau kita menyusun langkah dengan mengambil kira keadaan sekeliling dengan sebaik-baiknya," jelas Perdana Menteri.

Mengulas mengenai kecenderungan sesetengah pihak untuk mengemukakan tuntutan mahkamah membatalkan keputusan pilihanraya baru-baru ini beliau berkata, perkara itu bukanlah menghairankan terutama apabila ia dilakukan oleh pihak pembangkang yang sudah menjadi bekas ahli UMNO.

"Dahulu apabila mereka kalah dalam pemilihan UMNO, mereka mengheret parti itu ke mahkamah yang akibatnya UMNO telah diharamkan," ujar beliau.

Tambahnya, kini tidak hairanlah kalau kumpulan ini tidak ada kerja lain selain pergi ke mahkamah untuk menafikan keputusan rakyat yang sudah pun diakui sendiri kebebasan mereka membuat pemilihan oleh kumpulan pemerhati dari Komanwel dan kumpulan pemerhati dari pihak mereka (pembangkang) sendiri.

LIHAT MUKA 2

AZAM TAHUN BARU

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri kumpulan ini tetap enggan menerima demokrasi dengan menggunakan undang-undang sebagai pelindung untuk menafikan keputusan rakyat dan berharap akan bergolaklah keadaan di negara ini.

"Saya tidak hairan langsung. Kalau mereka tidak dakwa kita di mahkamah, ini adalah satu keganjilan kerana yang biasa bagi mereka ialah pergi ke mahkamah bagi mendapatkan perintah menghalang (*injunction*) daripada mahkamah," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir lagi.